

20 AUG 1996  
Mahathir-Bot  
BOT NASIONAL DIKELUARKAN TIDAK LAMA LAGI

KUALA TERENGGANU, 20 Ogos (Bernama) -- Selepas kereta nasional dan motosikal nasional, Malaysia akan maju setapak lagi dengan memperkenalkan `jet bot' dan `jet ski' nasional.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rancangan hendak mengeluarkan jet bot dan jet ski memang sudah ada dan ia kini dalam peringkat rekabentuk.

"Sebenarnya kita sudah ada rancangan buat jet bot dan jet ski tetapi terlalu awal bagi kita ceritakan," katanya pada persidangan berita selepas majlis pecah tanah projek perumahan Taman Permint Perdana di Kampung Batin, Seberang Takir di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan kini sedang mencari syarikat yang sanggup mengeluarkan kedua-duanya.

Mengenai pasaran, beliau berkata kerajaan tidak perlu menunggu ada pasaran untuk mengeluarkan barangan itu.

"Jika tidak ada pasaran, kita buat pasaran... bila kita ada barang, kita keluar jual barang, jangan tunggu ada pasaran baru nak jual," katanya.

Beliau berkata dahulu Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) hanya mampu menjual 20,000 buah kereta sahaja tetapi sekarang pengeluarannya 180,000 setahun manakala pengeluaran Perodua Kancil pula ialah 40,000.

"Mana ada dulu pasaran had itu tetapi apabila kita ada barang kita pergi jual, ia laku...," katanya.

Mengenai pengganti Ketua Pengarah Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali yang dilantik sebagai Ketua Eksekutif Tenaga Nasional, Perdana Menteri berkata calonnya sudah dikenalpasti.

Bagaimanapun, namanya belum boleh diumumkan kerana ia belum disahkan, katanya.

-- BERNAMA  
SBJ AKD